



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X


Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

Pendekatan Inovatif Memanfaatkan Kuasa Teknologi untuk Memupuk Pembelajaran Kolaboratif

Penulis: Siti Faridah Kamaruddin, Nur Nadia Qausar Juhari, Mohamad Musa Bohari dan PM Dr Naginder Kaur

MUKAH: Collaborative Group: Collaborative Teaching atau CGCT merupakan sebuah program yang dibangunkan oleh pihak Centre for Innovative Delivery & Learning Development (CIDL) UiTM Shah Alam. Program ini menggalakkan para pensyarah untuk bekerjasama untuk memudahkan pengajaran, mendidik, membimbing dan melatih pelajar bagi memperkasakan pembelajaran pelajar secara sendiri.



Menyedari kepentingan melaksanakan program CGCT ini untuk kebaikan pelajar dan pensyarah, beberapa pensyarah yang mengajar kod ELC231: Integrated Language Teaching (Writing) dari UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah bekerjasama dengan seorang pensyarah dari UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau dan University of Asia Pacific, Bangladesh. Program CGCT ini telah dihadiri seramai 150 dari Kampus Mukah dan Kampus Arau. Pensyarah tamu yang telah diundang adalah Encik Mohamad Musa Bin Bohari, pensyarah kanan Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dan PM Takad Ahmed Chowdhury dari University of Asia Pacific, Bangladesh. Untuk sesi webinar kali ini, Encik Mohamad Musa telah memberi penerangan mengenai tugas Evaluative Commentary yang mana dianggap sebagai tugas penulisan yang agak mencabar dalam kalangan pelajar. PM Takad pula menjelaskan topik "Identifying Writer's Purpose and Tone in Various Genres of Writing" kerana topik ini adalah salah satu komponen penting dalam tugas Evaluative Commentary tersebut.



Peluang unik untuk penglibatan langsung dengan kedua-dua pensyarah tamu yang berkepakaran ini bukan sahaja memperkaya pengetahuan para pelajar tetapi juga menyediakan peluang rangkaian dan hubungan kerjaya yang berpotensi. Kejayaan pendekatan inovatif ini menjadi inspirasi untuk para pensyarah yang mengajar kod lain agar turut sama-sama proaktif dalam mengadakan program webinar seumpamanya. Penganjuran program pengajaran kolaboratif dalam talian menggalakkan para pensyarah untuk membayangkan semula kaedah pengajaran tradisional dan memanfaatkan kuasa teknologi untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang inklusif, menarik dan berkesan.